

## EKONOMI

### GM Klang lancar buku mewah, kongsi jatuh bangun dalam industri perniagaan



**ENJOY CHEAPER ELECTRICITY BILLS VIA NEM PROGRAMME** [click for more info](#)

Create a sustainable future with renewable energy.



Tarikh Kemaskini :  
04/03/2020 11:09 PM

ADVERTISEMENT

KLANG, 4 Mac -- Pusat Pemborong GM Klang hari ini melancarkan buku mewah, untuk berkongsi kisah jatuh bangun gedung membeli-belah terkemuka itu yang dibuka pada 2009, terutama kejayaan yang dicapai dalam tempoh melebihi satu dekad.

Pelancaran buku dokumentari khas setebal 69 muka surat itu disempurnakan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dalam satu majlis semasa beliau melakukan lawatan rasmi ke GM Klang, di sini.

Buku berkulit ungu yang turut memaparkan pelbagai gambar daripada permulaan pembukaan GM Klang itu akan diberikan sebagai cenderamata kepada rakan niaga, badan bukan kerajaan dan pelawat dari negara asing yang berkunjung ke pusat pemborong berkenaan.

Pengarah Urusan GM Klang Datuk Lim Seng Kok dalam ucapannya pada majlis itu turut mengimbau kembali bagaimana pusat pemborong itu dibuka 10 tahun lepas dengan hanya mempunyai satu bangunan menempatkan 330 lot kedai.

“Usaha menyediakan ruang niaga kepada usahawan ditingkatkan dari tahun ke tahun menerusi penambahbaikan fasiliti walaupun ada kalanya kita jatuh dan bangun kembali. Namun, hasilnya pada tahun ini, GM Klang memiliki tiga bangunan yang menempatkan 2,500 lot kedai sehingga dinobatkan sebagai pusat pemborong terbesar di Malaysia oleh The Malaysia Book of Records.

“Kami amat bersyukur dengan pembangunan GM Klang selama 10 tahun ini yang memberi manfaat bukan saja kepada golongan usahawan dan peniaga, tetapi juga seluruh komuniti dan rakyat negara ini,” katanya.

Lim berkata pelbagai kejayaan yang dicapai gedung membeli-belah itu juga mendapat kepercayaan daripada Majlis Perbandaran Klang untuk dilantik sebagai Duta Pelancongan Bandar Klang.

Bagi menyempurnakan tanggungjawab sebagai duta pelancongan katanya, pelbagai program dilaksanakan setiap tahun untuk memastikan GM Klang sentiasa memberikan impak yang baik kepada seluruh masyarakat.

Lim berkata GM Klang kini bukan sahaja kukuh dalam sektor perniagaan tetapi juga mula melebarkan sayap ke industri pelancongan selain sedang mengintai peluang dalam sektor makanan dan minuman.

Sementara itu, Amirudin turut memuji GM Klang kerana banyak menyantuni komuniti setempat menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya.

“Saya rasa berbangga dengan perkembangan perniagaan GM Klang malah mereka banyak bersama komuniti dan pihak berkuasa tempatan menerusi pelbagai program antaranya memperindahkan Bulatan 100 di bandar ini.

“Ini adalah contoh yang baik bagaimana syarikat swasta terus menyumbang kepada masyarakat dan PBT dalam menjaga keindahan bandar kita,” katanya.

-- BERNAMA

## MENARIK



Empat maut Toyota Avanza dinaiki langgar trak tunda



Slovenia catat kes pertama COVID-19



Muhyiddin dipertanggungjawab terhadap semua jabatan persekutuan sehingga lantikan kabinet



#### TENTANG KAMI

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia • Am  
Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel : +603-2693 9933 (Talian Am)  
Email : helpdesk@bernama.com

#### Kategori

- Ekonomi
- Sukan
- Politik
- Dunia
- Rencana
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif

#### Lain-lain

- Hubungi Kami

#### Ikut Kami



#### Hak Cipta

- Penafian
- Dasar Privasi
- Dasar Keselamatan